
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**PPK 221 – Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira
dalam Pendidikan Khas**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Berikut adalah kategori masalah membaca bagi kanak-kanak berkeperluan khas:
 - i) kurang matang dari segi bacaan umum
 - ii) kurang matang dari segi bacaan khusus
 - iii) ketidakupayaan yang terhad
 - iv) ketidakupayaan yang kompleks
 - a) Terangkan **DUA (2)** kategori masalah di atas. (10 markah)
 - b) Bincangkan strategi pengajaran untuk mengatasi masalah yang anda pilih. Berikan contoh yang sesuai bagi setiap masalah. (15 markah)

2. Terdapat beberapa strategi yang boleh diaplikasi oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas.
 - a) Bincangkan **LIMA (5)** strategi yang sesuai untuk mengajar kemahiran membilang bagi kanak-kanak berkeperluan khas. (10 markah)
 - b) Sediakan **SATU (1)** rancangan pengajaran bagi mengajar kemahiran membeli kepada kanak-kanak berkeperluan khas dan sertakan perkara-perkara berikut:
 - objektif pengajaran
 - strategi yang dipilih
 - langkah pengajaran
 - prosedur generalisasi(15 markah)

3.
 - a) Berikan **LIMA (5)** panduan mendiagnosis masalah membaca bagi kanak-kanak berkeperluan khas. (10 markah)
 - b) Apakah langkah-langkah untuk mendiagnosis masalah membaca? Sertakan gambar rajah untuk menjelaskan langkah-langkah tersebut. (15 markah)

4. Berikut adalah masalah dalam penglihatan bagi kanak-kanak berkeperluan khas:
- a) diskriminasi bentuk
 - b) koordinasi motor-penglihatan
 - c) diskriminasi latar-bentuk
 - d) persepsi bahagian kepada seluruh
 - e) ingatan penglihatan

Jelaskan setiap masalah dan terangkan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh guru untuk mengatasi masalah tersebut.

(25 markah)

5. Kaedah tatarajah (*configuration*) dan kaedah linguistik merupakan cara membaiki kemahiran mengecam perkataan bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

- i) tatarajah (*configuration*)
- ii) linguistik

- a) Terangkan langkah-langkah pengajaran bagi setiap kaedah dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

(15 markah)

- b) Bincangkan kekuatan dan kelemahan bagi setiap kaedah tersebut.

(10 markah)

6. Bagaimanakah strategi mengajar menulis berikut dapat dijalankan di dalam kelas kanak-kanak berkeperluan khas?

- a) Strategi pengajaran pratulisan (15 markah)

- b) Strategi pengajaran menulis mekanis (10 markah)

Bagi setiap strategi terangkan cara mengajar dan berikan contoh aktiviti yang sesuai.